

UM (Hukum) Rabu 1/12/10 ms26

Penyelidik UMP menang pingat emas di Jerman

KUANTAN 30 Nov. – Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus menempa kecemerlangan apabila memenangi anugerah pingat dalam dua pertandingan tempatan dan antarabangsa baru-baru ini.

Pada pertandingan Persidangan Antarabangsa Idea Ciptaan Produk Baru (IENA) di Jerman pada Oktober lalu, Penyelidik Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Prof. Madya Dr. Hayder A. Abdul meraih pingat emas.

Kejayaan itu dicapai melalui hasil kajian bertajuk *Aloe Vera Mucilage As New Flow Improving Agent In Pipelines Carrying Liquids In Turbulent Mode*.

Sementara itu, pingat perak disumbangkan oleh Dr. Chin Sim Yee menerusi projek penyelidikan bertajuk *Modified Heterogeneous Process For the Production Of Biodiesel With Glycerol Acetal Additive*.

Selain itu, dalam Pameran Bio Malaysia pada awal bulan ini penyelidik yang diketuai Dr. Arun Gupta daripada fakulti yang sama menerima pingat emas dalam projek penyelidikannya bertajuk *Teknologi Komposit Kayu Nano*.

Menurut Arun Gupta, penghasilan produk menggunakan teknologi nano mampu membantu industri kayu negara dalam meningkatkan pasaran eksport dan mengukuhkan industri berasaskan kayu.

Pada pertandingan tersebut, produk penyelidikan bertajuk *Pembangunan Sistem Anaerob Alternatif Membran (MAS) bagi rawatan kumbahan lumpur* oleh Prof. Madya Dr. Abdurahman Hamid Nour memenangi pingat perak.

Penyelidikan tersebut bertujuan membangunkan sistem MAS sebagai kaedah berkesan merawat sisa lumpur.